



31 DEC, 2024

Kastam rampas 300 tan sisa elektronik

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas 300 tan sisa elektronik

Sisa diseludup masuk tanpa dokumen kelulusan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Pelabuhan Klang: 300 tan sisa elektronik (*e-waste*) dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan penahanan 13 kontena di Pelabuhan Barat, dekat sini pada September lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail, berkata siasatan awal mendapati sisa berkenaan diseludup masuk ke Malaysia tanpa dokumen kelulusan.

“Sisa elektronik berkenaan dipercayai dari negara Eropah dan dianggarkan bernilai RM1.65 juta, termasuk duti dan cukai.

“Ini dikategorikan sebagai bahan buangan, iaitu pengimportan memerlukan kelulusan di bawah ‘Basel Convention on the Control of Transboundary Movement of Hazardous Wastes and Their Disposals’.

“Siasatan juga mengesahkan pengimportan bahan buangan



Norlela pada sidang media di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pelabuhan Utara, Klang, semalam.
(Foto Genes Gulitah/BH)

terjadual hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS),” katanya di sini, semalam.

Rampas 18,500kg beras

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM merampas 18,500 kilogram beras yang dianggarkan bernilai RM169,400 dengan duti dan cukai dalam pemeriksaan terhadap sebuah kontena di Pelabuhan Barat pada Julai tahun ini.

Norlela berkata, beras dikate-

gorikan sebagai barang larangan import, iaitu tertakluk kepada permit import yang dikeluarkan oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

“Beras ini dipercayai dari negara Pakistan dan diimport ke negara ini tanpa sebarang permit import dan diikrar sebagai *cashew nut* dan *basmati paraboiled rice*,” katanya.

Beliau berkata, semua kes berkenaan masih dalam siasatan mengikut Seksyen 135 Akta Kastam 1967.



31 DEC, 2024

Kastam rampas 300 tan sisa elektronik

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Sisa diseludup masuk tanpa dokumen kelulusan

Pelabuhan Klang: 300 tan sisa elektronik (e-waste) dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan penahanan 13 kontena di Pelabuhan Barat, dekat sini pada September lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail, berkata siasatan awal mendapati sisa berkenaan diseludup masuk ke Malaysia tanpa dokumen kelulusan. “Sisa elektronik berkenaan dipercayai dari negara Eropah dan dianggarkan bernilai RM1.65 juta, termasuk duti dan cukai.